

# Industri minyak sawit dijangka meningkat

► Dengan pendapatan RM103.9 bilion pada tahun 2020

UB 3-7-13 B16

Oleh YAP SIONG HAN

sionghan\_yap@yahoo.com

**KOTA KINABALU:** Pendapatan berasaskan minyak sawit negara dijangka meningkat kepada RM103.9 bilion pada tahun 2020 berbanding RM80.4 bilion pada tahun 2011.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Raymond Tan Shu Kiah berkata peningkatan itu adalah hasil keluasan tanaman yang kian meningkat sehingga mencecah 5 juta hektar pada tahun 2011.

"Sabah adalah negeri terbesar pengeluar minyak sawit di Malaysia dengan jumlah keluasan kawasan lebih kurang 1.5 juta hektar yang mana ia merangkumi kira-kira 30 peratus daripada keluasan tanaman itu di Malaysia.

"Walaupun dengan pencapaian yang signifikan, industri sawit terus berhadapan dengan pelbagai cabaran yang besar," katanya ketika merasmikan majlis Penubuhan Unit Penyelidikan Minyak Sawit Lestari (SPOR) Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini kelmarin.

Beliau berkata antara cabaran termasuklah usaha untuk meningkatkan produktiviti minyak sawit dengan jumlah keluasan tanah yang sama.

Katanya, sektor pertanian juga terpaksa bersaing dengan sektor-sektor lain seperti



**RAYMOND** menuang minyak sawit ke dalam balang silinder sebagai gimik perasmian majlis itu. Turut kelihatan Harun (dua kanan).

sektor perumahan.

"Walau bagaimanapun, kemajuan yang dicapai itu perlu juga melihat kesan terhadap alam sekitar. Pencemaran dari sisa industri, ancaman terhadap hidupan liar, masalah penularan penyakit dalam tanaman kelapa sawit adalah antara isu-isu yang perlukan perhatian daripada unit kajian SPOR.

"Saya juga berharap ada lebih banyak kerjasama akan dijalankan di antara SPOR bersama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dalam usaha memajukan industri

sawit melalui penyelidikan SPOR," katanya.

Menurutnya, kerajaan Malaysia memandang serius tentang industri kelapa sawit dan percaya usaha yang dilakukan SPOR akan memastikan serta mengekalkan kedudukan Sabah sebagai negeri di hadapan dalam bidang industri itu berbanding negeri lain.

Raymond juga menyarankan bahawa terdapat usaha yang rapat diwujudkan di antara SPOR dengan Kelompok Industri

Minyak Sawit (POIC) dan Kementerian Pembangunan Perindustrian.

"Saya ingin menyeru kepada semua pihak yang terlibat agar dapat bersama-sama komited dalam menerokai pelbagai bidang baharu dalam penyelidikan sawit.

"Industri ini juga masih mempunyai banyak ruang dan peluang untuk kita majukan serta memberikannya nilai tambah," katanya.

Turut hadir dalam majlis itu ialah Naib Cancellor UMS, Prof Datuk Dr Harun Abdullah.